

JAWAPAN

Tajuk 11 Kepelbagaian

- A
1. D
 2. A
 3. C
 4. B
 5. D
 6. D
 7. C
 8. A
 9. C
 10. B

B



Unsur seni: Bentuk dan saiz
Pernyataan: Kepelbagaian bentuk dan saiz pada objek buatan manusia.



Unsur seni: Bentuk
Pernyataan: Kepelbagaian bentuk pada karya seni visual.



Unsur seni: Warna dan bentuk
Pernyataan: Kepelbagaian warna dan bentuk pada imej alam semula jadi.

- C
1. Kepelbagaian garisan tebal dan nipis pada ranting pokok dapat menimbulkan keindahan malam yang disinari bulan yang bercahaya.
 2. Kepelbagaian pada bentuk dan jalinan serta pelbagai warna corak pada hasil anyaman dapat mengelakkan kebosanan serta memberi nilai estetika.
 3. Kepelbagaian pada warna pokok dapat memberi daya tarikan dan variasi keindahan.

D



Kuih donut yang dilukis di atas telah memberi kesan kepelbagaian dari segi olahan warna yang digunakan, iaitu warna putih, merah jambu dan coklat sebagai *topping* donut tersebut. Selain itu, kepelbagaian dari segi jalinan diolah pada garisan jalur coklat serta titik-titik yang berwarna-warni sebagai coklat *chip* pada donut menarik perhatian para penggemar donut. Dari segi kepelbagaian unsur bentuk pula, subjek dilukis dari pandangan yang berbeza-beza. Unsur garisan diaplikasikan bagi menimbulkan kesan kepelbagaian. Terdapat satu daripada empat biji donut mempunyai garisan sebagai hiasan coklat pada donut tersebut. Kesemua unsur ini digabungkan bagi mewujudkan kesan kepelbagaian.

E



Hasil catan cat air di atas menunjukkan kepelbagaian warna pada sepokon pokok. Warna-warna tersebut dapat memberikan variasi warna. Selain itu, kepelbagaian warna yang diaplikasi juga memberikan daya tarikan serta dapat mengelakkan kebosanan. Warna yang diaplikasi adalah mengikut warna primer dan warna sekunder pada roda warna.